

**Pelajar ASWARA Bakal Terima Kemudahan Pinjaman PTPTN Hujung Tahun Ini**  
**Bernama**  
**15 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Mulai hujung tahun ini, pelajar Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) boleh memohon pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi membiayai pengajian mereka di akademi berkenaan. Rektor ASWARA Profesor Dr Mohamad Hatta Azad Khan berkata PTPTN akan menyambung kembali kemudahan itu hasil beberapa siri pertemuan agensi tersebut dengan pengurusan Aswara pada Jun lepas. "Kini PTPTN di dalam proses peringkat akhir bagi meminda Akta PTPTN (Akta 566) untuk membolehkan pelajar ASWARA menerima kemudahan pinjaman PTPTN yang dijangka dapat diselesaikan sebelum akhir tahun ini," katanya kepada Bernama pada Majlis Ramah Mesra Ibu bapa/Penjaga dan Pelajar Baru Sesi Akademik 2012/2013. Sejumlah 269 pelajar baru terdiri daripada 164 pelajar peringkat Diploma dan 105 pelajar Ijazah yang merangkumi bidang pengajian muzik, teater, tari, penulisan, filem dan video, seni halus serta animasi dan multimedia. Mohamad Hatta berkata PTPTN tidak dapat menyediakan kemudahan pembiayaan kepada pelajar ASWARA kerana institusi pengajian itu ditubuhkan melalui Akta Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan 2006 (Akta 653) dan terkeluar daripada takrif IPT di bawah Akta PTPTN.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680728>